



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***VARIASI LEKSIKAL DALAM DIALEK KELUARGA DUSUN
DI SABAH***

MINAH BINTI SINTIAN

FBMK 2018 12



**VARIASI LEKSIKAL DALAM DIALEK KELUARGA DUSUN
DI SABAH**

Oleh

MINAH BINTI SINTIAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

VARIASI LEKSIKAL DALAM DIALEK KELUARGA DUSUN DI SABAH

Oleh

MINAH BINTI SINTIAN

Oktober 2017

Pengerusi : Mohd. Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Dusun merupakan keluarga bahasa dalam rumpun Kadazandusun yang terdiri daripada tiga keluarga, iaitu Dusun, Murut dan Paitan. Keluarga Dusun terdiri daripada 31 suku yang mempunyai dialek tersendiri dan tersebar luas di seluruh pelusuk negeri Sabah. Kajian ini memfokuskan kepada 6 dialek dalam keluarga Dusun, iaitu dialek Bunduliwan, Tangara, Tatana, Rungus, Dumpas dan Mangkaak. Kerencaman dialek dalam keluarga Dusun mewujudkan isu kesalingfahaman antara penutur dialek kesan daripada keadaan topografi dan jarak lokasi penutur. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kata kognat dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain dalam keluarga Dusun, menganalisis ciri-ciri leksikal yang membezakan dialek keluarga Dusun dan merumuskan kekerabatan bahasa antara dialek dalam keluarga Dusun. Pengkaji menggunakan pendekatan sosiolinguistik dengan bersandarkan teori leksikostatistik untuk menjelaskan soalan dan objektif kajian. Kajian yang bersifat sinkronik ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Data dikutip melalui kaedah pustaka dan lapangan terutama melalui analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Sebanyak 207 kosa kata yang terdapat dalam daftar kata Swadesh terjemahan bahasa Melayu telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data leksikal keluarga Dusun. Kajian menunjukkan bahawa terdapat kata kognat dan bukan kognat antara dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain. Kajian juga mendapati bahawa terdapat perubahan bunyi pada leksikal dalam dialek-dialek secara sekata. Pasangan variasi bunyi konsonan yang ditemui pada leksikal dalam kajian ini ialah bunyi /l/ dan /h/, bunyi /r/ dan /l/, bunyi /l/ dan /d/, bunyi /h/ dan /s/, bunyi /w/ dan /v/, bunyi /y/ dan /z/ serta bunyi /ʔ/ dan /k/. Variasi ini tersebar di awal dan akhir perkataan, suku kata kedua, ketiga dan suku kata akhir. Selain itu, perubahan bunyi juga berlaku apabila bunyi konsonan digugurkan di awal, tengah dan akhir perkataan. Tahap kekerabatan bahasa antara penutur dialek-dialek keluarga Dusun juga adalah tidak seragam, iaitu terdapat hubungan kekerabatan yang rendah, sederhana dan tinggi. Kajian mendapati

dialek Bunduliwan mempunyai hubungan kekerabatan yang agak tinggi dengan dialek Tangara, iaitu sebanyak 85.37% sementara hubungan kekerabatan yang agak rendah ditemui antara dialek Tatana dengan dialek Mangkaak, iaitu 50%. Kata bukan kognat dan perubahan bunyi leksikal dalam dialek keluarga Dusun menjelaskan isu kesalingfahaman antara penutur. Kajian ini memberi implikasi kepada pengayaan dan pemantapan istilah serta kosa kata dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun yang diajar di sekolah rendah, menengah, institut pendidikan guru dan universiti tempatan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

LEXICAL VARIATION IN DIALECT OF THE DUSUN FAMILY IN SABAH

By

MINAH BINTI SINTIAN

October 2017

Chairman : Mohd. Sharifudin bin Yusop, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Dusun is a family of languages in the Kadazandusun stock which consist of three families, namely Dusun, Murut and Paitan. The Dusun family consists of 31 tribes with their own unique dialects and is widespread throughout Sabah. This study focuses on the 6 dialects in Dusun family which are the Bunduliwan, Tangara, Tatana, Rungus, Dumpas and Mangkaak. The diversified dialects in Dusun family create an issue of mutual intelligibility between dialect speaker as a result of different topography and distance of the speaker's location. The objective of this study are to compare the word cognate of Bunduliwan dialect to other dialects in the Dusun family, analyzing lexical characteristics that differentiate the Dusun family dialects and summarizing the language kinship between the dialects in Dusun family. The researcher used the sociolinguistics approach based on the lexicostatistics theory to explain the problem statement and objectives of the study. This study which is synchronic in nature uses the qualitative research design. Data were collected through library and field methods, specifically through document analysis, interviews and observation. A total of 207 words from Swadesh wordlist with Malay translation has been used as a research instrument for obtaining the lexical data of Dusun family. The findings of the study reveal the cognate and non-cognate words between Bunduliwan dialect and the other dialects. The study also found that there was a changes of lexical sound in other dialects uniformly. Moreover, variation pair of consonant sound found in lexical, such as the sound /l/ and /h/, sound /r/ and /l/, sound /l/ and /d/, sound /h/ and /s/, sound /w/ and /v/, sound /y/ and /z/ and sound /ʔ/ and /k/. This variation is spread at the beginning and at the end of the word, second, third and final syllable. Besides that, changes in the sound also occur when consonant sound is removed at the beginning, middle and end of the word. The level of language relationships among the speakers of the Dusun family dialects is also not uniform, where there is a low, moderate and high-level kinship. The study also found that the Bunduliwan dialect has a relatively high kinship relationship with the Tangara dialect, which was 85.37% while relatively

low kinship relation were found between the Tatana and Mangkaak dialect, which was 50%. Non-cognate words and lexical sound changes in Dusun family dialects shed light on the issue of mutual intelligibility between speakers. This study provides an implication on enrichment and enhancement of the terms and vocabulary in Kadazandusun Language subject taught in the primary, secondary, teacher education institutes and local universities.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan kasih karuniaNya saya telah diberikan kesihatan, ketabahan dan kebijaksanaan dalam menyiapkan tesis ini untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Sharifudin bin Yusop selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tekun memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan semangat sehingga siapnya penulisan tesis ini dengan sebaiknya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Raja Masittah Binti Raja Ariffin dan Dr. Norazlina Binti Hj. Mohd. Kiram selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan yang diperlukan. Tanpa penyelia, tesis ini tidak akan selesai mengikut masa yang ditetapkan. Terima kasih yang tak terhingga kepada pemeriksa dalam dan luar tesis kerana sudi membuat teguran untuk penambahbaikan. Tidak dilupakan kepada pengerusi viva voce dan urus setia SGS UPM. Terima kasih.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada para informan yang terdiri daripada penutur dialek Bunduliwan, Tangara, Dumpas, Tatana, Mangkaak dan Rungus. Tanpa kerjasama kalian, kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Terima kasih tidak terhingga juga kepada para pembantu kajian ini, iaitu Erbiee Justin, Shernie Januar, Jan Eldear Januar dan para pelajar Program Minor Bahasa Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bantuan kalian amat dihargai.

Terima kasih tak terkata juga ditujukan kepada pihak Pendaftar UPSI, Dekan, Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI kerana mengizinkan saya melanjutkan pengajian Phd. secara separuh masa. Tidak dilupakan bantuan daripada pihak Perpustakaan Tengku Bainun UPSI khasnya di bahagian Peminjaman Antara Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan kepada rakan-rakan sekerja yang sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua orang tua saya Lombi Gungkat dan Sintian Gampul (meninggal pada 07.01.2016) atas doa, kasih sayang dan sokongan moral yang tidak berbelah bagi. Juga tidak dilupakan khusus untuk adik-beradik, ipar-duai dan anak-anak buah saya yang sangat menyokong antara satu sama lain. *Pounsikou kaa*. Buat anak-anak yang sentiasa membantu dan bersemangat melihat saya membuat tesis, saya ucapkan *pounsikou om logot-logoton diu ii dokoyu kaa! Barakatan kasaasai toko do Kinorohingan*.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Sharifudin Bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina Binti Hj. Mohd. Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putera Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas kerja, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Minah Binti Sintian GS42294

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI PETA	xviii
SENARAI SIMBOL FONETIK	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Etnik Kadazandusun dan Keluarga Dusun	9
1.8.1	Asal Usul Kadazandusun Berasaskan Perspektif Saintis Sosial dan Sejarawan	16
1.8.2	Sosioekonomi dan Sosiobudaya Etnik Kadazandusun	18
1.8.3	Bahasa Standard Etnik Kadazandusun	21
1.9	Definisi Operasional	22
1.9.1	Variasi	22
1.9.2	Leksikal	22
1.9.3	Dialek	22
1.9.4	Keluarga Dusun	23
1.9.5	Sabah	23
1.10	Kesimpulan	25
2	SOROTAN LITERATUR	26
2.1	Pengenalan	26
2.2	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Perbandingan Kata Kognat dalam Dialek	28
2.3	Sorotan Kajian Lepas Tentang Ciri-ciri Leksikal dalam Dialek	33
2.4	Sorotan Kajian Lepas Tentang Keekerabatan Bahasa	38
2.5	Kesimpulan	45

3	METODOLOGI	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Konsep dan Teori	48
3.3.1	Teori Leksikostatistik	48
3.4	Kerangka Teori	56
3.5	Tatacara Kajian	56
3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Kajian Pustaka	57
3.8	Analisis Dokumen	58
3.9	Kajian Lapangan	58
3.10	Temu Bual	59
3.11	Pemerhatian	62
3.12	Tempat Kajian	63
3.13	Persampelan	65
3.14	Alat Kajian	66
3.15	Penganalisan Data	67
3.16	Pertimbangan Etika	68
3.17	Kerangka Konseptual	70
3.18	Kesimpulan	72
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Analisis dan Perbincangan	73
4.2.1	Membandingkan Kata Kognat Bunduliwan dengan Dialek-dialek Lain dalam Keluarga Dusun	73
4.2.1.1	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Persanakan	73
4.2.1.2	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Haiwan	74
4.2.1.3	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Tumbuhan	75
4.2.1.4	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Alam Semula Jadi	77
4.2.1.5	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Anggota Badan Manusia dan Haiwan	79
4.2.1.6	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Nama Am Konkrit dan Abstrak	80
4.2.1.7	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Ganti Nama Diri	80
4.2.1.8	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Ganti Nama Tunjuk	81
4.2.1.9	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Kerja	81
4.2.1.10	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Adjektif	84
4.2.1.11	Perbandingan Kata Kognat Bertemakan Kata Tugas	85
4.2.2	Menganalisis Ciri-Ciri Leksikal Yang Membezakan Dialek Keluarga Dusun	87
4.2.2.1	Variasi Bunyi Konsonan /l/ dan Bunyi /h/	89
4.2.2.2	Variasi Bunyi Konsonan /r/ dan Bunyi /l/	90
4.2.2.3	Variasi Bunyi Konsonan /l/ dan Bunyi /d/	91

4.2.2.4	Variasi Bunyi Konsonan /h/ dan Bunyi /s/	91
4.2.2.5	Variasi Bunyi Konsonan /w/ dan Bunyi /v/	92
4.2.2.6	Variasi Bunyi Konsonan /y/ dan Bunyi /z/	93
4.2.2.7	Variasi Bunyi Konsonan /ʔ/ dan Bunyi /k/	94
4.2.2.8	Penghilangan Bunyi /t/ di Awal Perkataan	95
4.2.2.9	Penghilangan Bunyi /h/ di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /aa/ dan /ii/	96
4.2.2.10	Penghilangan Bunyi /r/ di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /aa/, /ii/ dan /oo/ dan Penghilangan Bunyi /r/ di Akhir Perkataan	97
4.2.2.11	Penghilangan Bunyi /l/ di Akhir Perkataan	98
4.2.2.12	Penghilangan Bunyi /y/ di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /uu/	98
4.2.3	Merumuskan Kekerabatan Bahasa Antara Dialek dalam Keluarga Dusun	99
4.2.3.1	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Bunduliwan dengan Dialek Mangkaak	99
4.2.3.2	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Bunduliwan dengan Dialek Dumpas	102
4.2.3.3	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Bunduliwan dengan Dialek Rungus	105
4.2.3.4	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Bunduliwan dengan Dialek Tatana	108
4.2.3.5	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Bunduliwan dengan Dialek Tangara	111
4.2.3.6	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tangara dengan Dialek Mangkaak	114
4.2.3.7	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tangara dengan Dialek Dumpas	117
4.2.3.8	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tangara dengan Dialek Rungus	120
4.2.3.9	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tangara dengan Dialek Tatana	123
4.2.3.10	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tatana dengan Dialek Mangkaak	126
4.2.3.11	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tatana dengan Dialek Dumpas	129
4.2.3.12	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Tatana dengan Dialek Rungus	132
4.2.3.13	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Rungus dengan Dialek Mangkaak	135
4.2.3.14	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Rungus dengan Dialek Dumpas	138
4.2.3.15	Perbandingan Pasangan Leksikal Antara Dialek Dumpas dengan Dialek Mangkaak	141
4.3	Kesimpulan	147

5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	149
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan Kajian	149
5.2.1	Membandingkan Kata Kognat Dialek Bunduliwan dengan Dialek-dialek Lain dalam Keluarga Dusun	149
5.2.2	Menganalisis Ciri-ciri Leksikal yang Membezakan Dialek Keluarga Dusun	153
5.2.3	Merumuskan Kekerabatan Bahasa Antara Dialek dalam Keluarga Dusun	153
5.3	Implikasi Kajian	154
5.4	Cadangan Kajian	155
5.5	Kesimpulan	156
	BIBLIOGRAFI	158
	LAMPIRAN	171
	BIODATA PELAJAR	207
	SENARAI PENERBITAN	208

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Batasan Lokasi Kajian dan Tempoh Kajian	9
1.2 Kelompok Rumpun Kadazandusun	14
1.3 Suku-suku Keluarga Dusun	15
1.4 Populasi Penduduk di Negeri Sabah Antara Tahun 1911 - 1970	23
1.5 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik di Sabah Tahun 2010 Seramai 3,206,742 orang	24
2.1 Jenis Peralatan Kebun	29
2.2 Perbandingan Kata Bilangan	30
2.3 Perbandingan Kata Ganti Nama Diri Pertama Tunggal	30
2.4 Perbezaan Leksikal Dialek Kadazan dan Dusun	31
2.5 Perbandingan Leksikal Anggota Badan Manusia	32
2.6 Kesepadanan Bunyi Konsonan Dialek Kadazan dengan Dialek Dusun Tengah	37
2.7 Peratus Persamaan Berkognat Sembilan Bahasa Dusun	40
2.8 Peratus Persamaan Berkognat Dialek Dusun Lotud	40
2.9 Taraf Kekerabatan Dialek Kadazan/Tangara dan Dusun Tengah	42
2.10 Konsonan *D dan *d> IBN, MB d	43
2.11 Perbandingan Kosa Kata Asas Bahasa Baketan dan Bahasa Bidayuh Biatah	44
2.12 Peraturan Kognat Bahasa Melayu-Proto	44
3.1 Pengelompokan Bahasa Keluarga Dusun	55
3.2 Data Leksikal Daripada Informan dan Kamus	58
3.3 Butiran Kelompok Dialek untuk Temu Bual Berkumpulan	59

3.4	Leksikal yang Ditunjukkan oleh Informan Menggunakan Ekspresi Muka, Pergerakan Tangan dan Badan	63
3.5	Keadaan Bentuk Muka Bumi Antara Lokasi Penutur Dialek	64
3.6	Jarak Kilometer (km) Antara Lokasi Penutur Dialek Mengikut Jalan Raya	65
3.7	Demografi Informan Mengikut Dialek	66
4.1	Kata Kognat Bertemakan Persanakan	73
4.2	Kata Kognat Bertemakan Haiwan	74
4.3	Kata Kognat Bertemakan Tumbuhan	75
4.4	Kata Kognat Bertemakan Alam Semula Jadi	77
4.5	Kata Kognat Bertemakan Anggota Badan Manusia dan Haiwan	79
4.6	Kata Kognat Bertemakan Kata Nama Am Konkrit dan Abstrak	80
4.7	Kata Kognat Bertemakan Kata Ganti Nama Diri	80
4.8	Kata Kognat Bertemakan Kata Ganti Nama Tunjuk	81
4.9	Kata Kognat Bertemakan Kata Kerja	81
4.10	Kata Kognat Bertemakan Kata Adjektif	84
4.11	Kata Kognat Bertemakan Kata Tugas	85
4.12	Penyebaran Kekerapan Perubahan Bunyi Variasi Konsonan	88
4.13	Penyebaran Kekerapan Penghilangan Bunyi Konsonan	88
4.14	Bunyi /l-/ Sepadan dengan /h-/ di Awal perkataan	89
4.15	Bunyi /-l/ Sepadan dengan /-h/ di Suku Kata Kedua	89
4.16	Bunyi /-l/ Sepadan dengan /-h/ di Suku Kata Ketiga	90
4.17	Bunyi /r-/ Sepadan dengan /l-/ di Awal Perkataan	90
4.18	Bunyi /l-/ Sepadan dengan /d-/ di Awal Perkataan	91
4.19	Bunyi /h-/ Sepadan dengan /s-/ di Awal Perkataan	91

4.20	Bunyi /s-/ Sepadan dengan /h-/ di Awal Perkataan	92
4.21	Bunyi /w-/ Sepadan dengan /v-/ di Awal Perkataan	92
4.22	Bunyi /-w/ Sepadan dengan /-v/ di Suku Kata Kedua	93
4.23	Bunyi /-y/ Sepadan dengan /-z/ di Suku Kata Kedua	93
4.24	Bunyi /-y/ Sepadan dengan /-z/ di Suku Kata Ketiga dan Suku Kata Akhir	94
4.25	Bunyi /ʔ/ Sepadan dengan /k/ di Akhir Perkataan	94
4.26	Bunyi /t-/ → Ø di Awal Perkataan	95
4.27	Bunyi /-h/ → Ø di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /aa/ dan /ii/	96
4.28	Bunyi /-r/ → Ø di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /aa/, /ii/ dan /oo/	97
4.29	Bunyi /r/ → Ø di Akhir Perkataan	97
4.30	Bunyi /l/ → Ø di Akhir Perkataan	98
4.31	Bunyi /-y/ → Ø di Antara Dua Vokal di Tengah Perkataan Menjadi Vokal Panjang /uu/	98
4.32	Bilangan Perbandingan Pasangan Leksikal Dialek-dialek dalam Keluarga Dusun	99
4.33	Dialek Bunduliwan - Dialek Mangkaak	99
4.34	Dialek Bunduliwan - Dialek Dumpas	102
4.35	Dialek Bunduliwan - Dialek Rungus	105
4.36	Dialek Bunduliwan - Dialek Tatana	108
4.37	Dialek Bunduliwan - Dialek Tangara	111
4.38	Dialek Tangara - Dialek Mangkaak	114
4.39	Dialek Tangara - Dialek Dumpas	117
4.40	Dialek Tangara - Dialek Rungus	120

4.41	Dialek Tangara - Dialek Tatana	123
4.42	Dialek Tatana - Dialek Mangkaak	126
4.43	Dialek Tatana - Dialek Dumpas	129
4.44	Dialek Tatana - Dialek Rungus	132
4.45	Dialek Rungus - Dialek Mangkaak	135
4.46	Dialek Rungus - Dialek Dumpas	138
4.47	Dialek Dumpas - Dialek Mangkaak	141
4.48	Peratus Persamaan Kata Kerabat Dialek-Dialek Dalam Keluarga Dusun	144
4.49	Tingkat Klasifikasi Bahasa	145
4.50	Tingkat Klasifikasi Bahasa Keluarga Dusun	146

SENARAI PETA

Peta	Muka surat
1.1 Pembahagian Pentadbiran Negeri Sabah	25
3.1 Lokasi Kajian DBL, DTg, DTt, DR, DM dan DD	64
5.1 Penyebaran Leksikal “perempuan” , “ikan” dan “darah” Mengikut Bunyi Dialek	152



SENARAI SIMBOL FONETIK

- * Asterik, melambangkan bentuk purba
- > Bentuk berubah “menjadi” dalam linguistik sejarawi
- Ditulis semula sebagai (iaitu “menjadi” dalam huraian sinkronik)
- ∅ Morf kosong
- ɣ Konsonan frikatif velar
- ʔ Konsonan hentian glotis
- ŋ Konsonan sengau lelangit keras / nasal velar (ng)
- // Kurungan untuk bunyi
- [] Kurungan untuk transkripsi fonetik
- : Tanda kepanjangan; maka [a:] bererti 'a panjang'
- ɔ Vokal belakang separuh luas (o)
- ə Vokal tengah (e)

SENARAI SINGKATAN

BA	Bisaya
BKD	Bahasa Kadazandusun
bkt	Bukit
BM	Bahasa Melayu
BMP	Bahasa Melayik Purba
DBL	Dialek Bunduliwan
DD	Dialek Dumpas
DM	Dialek Mangkaak
DL	Dusun Lotud
DL1	Kauluan
DL2	Tambulugu
DL3	Mangkaladoi
DL4	Bundung
DL5	Marabahai
DMTB	Dialek Melayu Teluk Brunei
DR	Dialek Rungus
DS	Dialek Dumpas
DTg	Dialek Tangara
DTt	Dialek Tatana
<i>et al.</i>	dan lain-lain
gng	Gunung
IBN	Iban
IK	Imok
Info.	Informan
IPG	Institut Pendidikan Guru
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
k. majmuk	Kata majmuk
KA	Kampong Air
KCA	<i>Kadazan Cultural Association</i>
KDCA	<i>Kadazandusun Cultural Association</i>
kg	Kampung

KK	Ketua Kampung
KLF	Kadazandusun Language Foundation
km	Kilometer
KN	Kedayan
KSS	<i>Kadazan Society Sabah</i>
KT	Kadazan Tambanua
KU	Kuijau
KVKKVK	Konsonan Vokal Konsonan Konsonan Vokal Konsonan
KVKVK	Konsonan Vokal Konsonan Vokal Konsonan
L	Lelaki
LK	Lambak Kanan
LN	Labuan
MB	Melayu Baku
MBDK	<i>Mongulud Boros Dusun Kadazan</i>
MG	Mangalong
MK	Mangkaak
P	Perempuan
PMP	Bahasa Melayu Polinesia Proto/Purba
PR	Papar
PT	Patarikan
RS	Rungus
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SD	Sabah Darat
SG	Sengkurong
sg	Sungai
SIL	<i>Summer Institute of Linguistics</i>
Tk	Taraf Kognat
TT	Tatana
UNKO	<i>United National Kadazan Organization</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USDA	<i>United Sabah Dusun Association</i>
WPL	Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Senarai Asal 207 Kosa Kata dalam Daftar Kata Swadesh dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu	171
B Daftar Kata Varian Dialek Keluarga Dusun (DBL, DTg dan DTt) dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu	177
C Daftar Kata Varian Dialek Keluarga Dusun (DR, DD dan DM) dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu	183
D Senarai Soalan Temu Bual Berstruktur	189
E Senarai Informan	190
F Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Dumpas	194
G Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Mangkaak	196
H Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Rungus	198
I Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Tatana	200
J Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Bunduliwan	202
K Teks Verbatim Rakaman Temu Bual Dialek Tangara	204
L Surat Memohon Kebenaran Membuat Kajian/Rujukan	206

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Rumpun Kadazandusun terdiri daripada tiga keluarga bahasa, iaitu Dusun, Murut dan Paitan. Keluarga Dusun terdiri daripada kelompok suku-suku peribumi yang mendiami bahagian utara Pulau Borneo atau dikenali sebagai Sabah. Suku-suku dalam keluarga Dusun tersebar luas di seluruh pelusuk negeri Sabah. Setiap suku mempunyai dialek tersendiri sebagai alat komunikasi dalam kelompok penutur itu. Secara umumnya, penutur dialek yang berdekatan dengan penutur dialek lain mempunyai kadar kebolehfahaman yang tinggi. Hal ini selari dengan konsep kontinum dialek, iaitu penutur dialek-dialek yang berdekatan dari segi geografi mempunyai kesalingfahaman yang lebih tinggi berbanding dengan yang berjauhan (Chambers & Trudgill, 1990).

Dialek-dialek dalam keluarga Dusun mempunyai variasi sebutan, kosa kata dan tatabahasa yang tersendiri. Selain itu, setiap variasi dialek membawa fungsian tersendiri dalam lingkungan sosial penutur dialek. Collin (1986), melihat variasi dialek itu terdapat dalam daerah geografi atau dalam suasana sosial tertentu. Keadaan topografi negeri Sabah yang luas, banjaran bukit, bersungai besar, berhutan tebal dan berpulau mempengaruhi bahasa Dusun yang tersebar di negeri Sabah. Geografi sosial yang berkaitan dengan proses interaksi manusia dan lingkungannya juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan keragaman dialek.

Memandangkan suatu bahasa itu mempunyai keluarga bahasa (Saussure, 1993), maka kajian ini akan meneliti variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah. Kajian ini lebih bersifat sinkronik yang meneliti beberapa bahasa dalam waktu yang bersamaan tanpa mengambil kira faktor masa sebagai faktor relevan dalam penyelidikan (Bynon, 1994). Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci latar belakang kajian, permasalahan yang timbul, soalan dan objektif kajian, kepentingan, batasan dan definisi operasional kajian. Pengkaji akan memfokuskan perbandingan kata kognat Bunduliwan dengan dialek-dialek lain dalam keluarga Dusun, menganalisis ciri-ciri leksikal yang membezakan dialek keluarga tersebut dan seterusnya merumuskan kekerabatan bahasa dalam keluarga Dusun itu sendiri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sabah merupakan negeri yang kaya dengan pelbagai etnik peribumi. Laman web rasmi kerajaan negeri Sabah mencatatkan bahawa Sabah terdiri daripada 33 kumpulan peribumi yang berkomunikasi lebih daripada 50 bahasa dan 80 dialek

etnik (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2015). Menurut Grimes (1996), 54 daripada 138 bahasa yang terdapat di Malaysia adalah berasal daripada masyarakat pribumi di negeri Sabah. Kebanyakan bahasa peribumi yang terdapat di Sabah terdiri daripada keluarga Austronesia dalam keluarga Melayu-Polinesia, sebahagian kecil bahasa dalam keluarga Kreol dan selebihnya bahasa daripada keluarga Sino-Tibet (Asmah Omar, 1985; Noriah Mohamed, 2003; Dayu Sansalu, 2008; Lewis, 2009).

Kadazandusun merupakan kumpulan etnik terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% keseluruhan jumlah penduduk. *Kadazandusun Cultural Association* (KDCA), mencatatkan terdapat 40 subetnik Kadazandusun (KDCA, 2015). Setiap subetnik tersebut memiliki subbahasa atau variasi bahasa tersendiri yang juga disebut sebagai dialek dalam bidang linguistik. Berdasarkan Smith (1984); Raymond Boin Tombung (1991); Dayu Sansalu (2008); Lewis (2009) dan Pugh-Kitingan (2012a), Kadazandusun dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu kelompok Dusun, Murut dan Paitan. Ketiga-tiga kelompok bahasa itu mempunyai ikatan persamaan dari segi latar sejarah, tradisi lisan, tradisi kebendaan dan bahasa.

Tanggapan Collins (1986), bahawa ragam bahasa itu terdapat di dalam daerah geografi atau di dalam suasana sosial tertentu adalah selari dengan sejarah suatu masyarakat penutur yang mengalami pemisahan faktor topografi, persempadanan politik, migrasi dan sebagainya. Faktor geografi sebagai penentu keragaman bahasa dijelaskan oleh Trudgill (2014), dalam artikelnya *Dialect Contact, Dialectology and Sociolinguistics* yang menyebabkan berlakunya kewujudan sebutan dan perkataan yang baharu. Fenomena tersebut terjadi apabila sesebuah kawasan asal itu berpecah melalui penghijrahan pada suatu jangka masa yang lama. Kebiasaan perubahan tersebut berlaku di kawasan pergunungan atau jarak yang berjauhan. Trudgill menamainya sebagai “zon transisi”, iaitu apabila inovasi sebutan dan perkataan baharu itu tidak akan sama dengan yang asal.

Asmah Omar (1991), mengakui bahawa tidak ada bahasa atau dialek yang tidak ada variasi atau kelainan. Asmah Omar membahagikan variasi bahasa berdasarkan kawasan, situasi sosial dan tema atau judul. Beliau merujuk kelainan bahasa itu sebagai bentuk bahasa yang mempunyai perbezaan-perbezaan kecil yang dapat dikesan melalui bunyi, penggunaan kata tertentu, makna dan sebagainya dengan bentuk bahasa yang lain dalam satu sistem bahasa yang sama.

Variasi bahasa menurut Nik Safiah Karim (1992), adalah disebabkan oleh sejarah perkembangan suatu bahasa, jumlah penduduk dan keluasan daerah penyebarannya. Dalam satu daerah yang luas, dialek-dialek yang berdekatan pada umumnya mempunyai lebih banyak persamaan berbanding dengan yang jauh letaknya. Sebagai contohnya, dialek Kelantan (bahagian utara) dengan dialek Johor (bahagian Selatan) agak berbeza dari segi sebutan, kosa kata dan penggunaan kata. Walau bagaimanapun, kedua-dua penutur dialek itu mempunyai kebolehfahaman bahasa antara satu dengan yang lain.

Bagi Noriah Mohamed (1992), ukuran asas untuk mengelompokkan dialek-dialek ke dalam golongan satu bahasa ialah unsur kesalingfahaman (*mutual intelligibility*). Sekiranya penutur variasi bahasa yang berbeza-beza itu masih boleh berkomunikasi antara satu dengan yang lain, maka variasi-variasi bahasa yang mereka tuturkan itu boleh digolongkan ke dalam satu bahasa yang sama.

Bagi menentukan sama ada suatu bentuk pertuturan itu bahasa atau dialek, bentuk tersebut harus mempunyai beberapa ciri. Ajid Che Kob (2007), mengetengahkan tiga ciri tersebut, iaitu pertama, bentuk itu hendaklah mempunyai kawasan atau daerah tuturan yang tertentu. Ciri kedua, bentuk tersebut mempunyai perbezaan dari segi sebutan, struktur tatabahasa dan penggunaan kata secara idiomatik dan ketiganya, perbezaan tersebut haruslah tidak terlalu besar atau banyak daripada bentuk pertuturan lain dalam bahasa tersebut sehingga menjadi dua bahasa yang berbeza.

Sarjana bahasa menggunakan istilah "kesalingfahaman" untuk mengukur julat perbezaan antara dua atau beberapa ragam pertuturan dialek atau bahasa (Ajid Che Kob, 2007). Peratusan kata berkognat dapat menentukan taraf kekerabatan beberapa ragam pertuturan sama ada cenderung kepada dialek atau bahasa. Hal ini ditekankan oleh Rohani Mohd. Yusof (2003), bahawa hubungan kekerabatan sesuatu bahasa bergantung kepada jarak hubungan bahasa tersebut sama ada dekat atau jauh.

Kebanyakan lokasi petempatan suku-suku Dusun dihalangi oleh keadaan topografi yang bergunung-ganang, di kelilingi banjaran, berbukit-bukau, bersungai dan berhutan rimba. Misalnya, kawasan pekan di daerah Penampang dengan pekan di daerah Ranau dihalangi oleh banjaran, gunung dan hutan rimba. Jarak antara kedua-dua daerah ini mengikut jalan raya adalah lebih kurang 149 km (Distance Calculator and Driving Directions, 2016). Keadaan muka bumi, ruang dan jarak itu dapat menghadkan pertemuan antara penutur dialek. Situasi sedemikian telah menyebabkan dialek-dialek ini mengalami perubahan tersendiri sesuai dengan perkembangan masa. Fenomena ini telah menimbulkan kelainan bahasa, iaitu dari segi sebutannya, makna, kosa kata dan penggunaan kata.

J.E. Banker dan Banker (1984), mengakui akan kesukaran dalam berkomunikasi antara rantaian dialek Kadazandusun. Misalnya, terdapat leksikal dialek Kadazan Pesisir Pantai di bahagian selatan yang sangat berbeza dengan leksikal dialek Dusun Tengah di sebelah utara. Berdasarkan perbezaan tersebut, J.E. Banker dan Banker menyimpulkan bahawa Kadazan Pesisir Pantai dan Dusun Tengah adalah terdiri daripada dialek yang berbeza.

Kajian Clyre (1966); Asmah Omar (1985); Miller (1988); Trixie M. Tangit (2005) dan Dayu Sansalu (2008), mengukuhkan hujahan bahawa dialek-dialek dalam keluarga Dusun mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi leksikal, bunyi, sebutan, makna kata, kosa kata dan penggunaan kata. Perbezaan dialek adalah

keunikan namun memberi implikasi kepada isu kesalingfahaman bahasa sehingga menjadi kekangan dalam berkomunikasi.

1.3 Pernyataan Masalah

"Bahasa ialah sekumpulan dialek yang bersifat kesalingfahaman" merupakan ungkapan oleh Chambers dan Trudgill (1990) yang memerlukan penelitian semula. Hal ini disebabkan oleh kesalingfahaman suatu kumpulan dialek adalah berbeza bergantung kepada faktor-faktor tertentu. Kesalingfahaman antara penutur satu bahasa/dialek dengan penutur bahasa/dialek yang lain dalam keluarga yang sama membawa tahap yang berbeza. Misalnya orang Swede dapat memahami pertuturan orang-orang Norwegia dengan mudah namun mereka tidak memahami bahasa Norwegia itu sebaik pemahaman mereka terhadap bahasa Swedish (Chambers & Trudgill, 1990).

Isu kesalingfahaman ini berlaku dalam kalangan penutur dialek keluarga Dusun khususnya dan rumpun Kadazandusun umumnya. Maknanya, kefahaman suatu dialek itu adalah dalam kadar yang berbeza antara penutur-penutur dialek. Terdapat keluarga Dusun yang tinggi kefahaman terhadap dialek lain dan berlaku juga kes kefahaman yang rendah dan lemah. Dapat diramalkan bahawa bilangan suku yang ramai dengan dialek masing-masing akan menimbulkan isu kesalingfahaman bahasa antara satu dengan yang lain. Keluarga Dusun yang terdiri daripada 31 dialek mengalami isu tersebut. Lokasi penutur-penutur dialek yang dipisahkan oleh halangan spatial dan keadaan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang, sungai-sungai besar, terpencil jauh di pedalaman dan berhutan rimba menjadi faktor utama berlakunya isu kesalingfahaman bahasa sebagaimana dijelaskan oleh Trudgill (2014). Selain itu, faktor geografi sosial seperti kecenderungan penutur-penutur dialek keluarga Dusun itu bertutur dalam bahasa Melayu Sabah semasa berkomunikasi juga membatasi saling faham antara dialek-dialek itu.

Isu kesalingfahaman dalam keluarga bahasa Dusun pernah dikemukakan oleh J.E. Banker dan Banker (1984) dengan mengatakan bahawa bahasa Kadazan/Dusun agak berbeza dalam pelbagai peringkat sehingga mungkin mengalami kesukaran komunikasi dari satu rangkaian dialek ke hujung rangkaian dialek yang lain. Misalnya, penutur dialek Kadazan di bahagian Pantai Barat Selatan mengalami kesukaran berkomunikasi dengan penutur dialek Dusun Tengah (terdiri daripada dialek Liwan, Bundu, Tindal, Garo, Tobilung dan Tinagas) yang terletak di daerah Tuaran, Kota Belud, Tambunan, Kota Marudu dan Ranau. Pernyataan J.E. Banker dan Banker diakui oleh Smith (1984), apabila mendapati kesalingfahaman antara penutur dialek suku Bundu di sekitar kawasan Bundu Tuhan, Ranau dengan penutur dialek Kadazan (Tangara) di sekitar Bunduon, Penampang hanyalah sekitar 66-75%.

Kerencaman dialek dalam keluarga Dusun menyukarkan komunikasi dalam suku-suku tersebut. Miller (1988), mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara dialek-

dialek atau sub-subdialek antara Dusun Tengah dengan Kadazan Pesisir Pantai dari segi perbendaharaan kata dan sebahagian kecil dari segi sintaksis. Misalnya, penutur dialek Dusun Tengah menyebut "nasi" sebagai *takano*, sementara penutur Kadazan Pesisir Pantai melafaznya *naig*. Dapatan kajian Miller itu dikukuhkan oleh Dayu Sansalu (2014), yang turut mengakui bahawa terdapat kata bukan kognat dalam beberapa dialek keluarga Dusun. Sebagai contoh, penutur dialek Rungus di daerah Kudat menyebut perkataan "ular" sebagai *vulanut* sementara dialek Tatana di Beaufort menyebutnya sebagai *nipoh*.

Terdapat juga kata bukan kognat antara dialek Tangara dengan dialek Bundu dan Liwan. Misalnya perkataan "baik", disebut sebagai *avasi* dalam dialek Tangara sementara dialek Bundu dan Liwan menyebutnya sebagai *osonong*. Kajian Miller dan Dayu Sansalu itu jelas membuktikan bahawa leksikal yang berbeza untuk makna yang sama merupakan antara elemen bahasa yang menimbulkan isu kesalingfahaman dalam kalangan penutur dialek keluarga Dusun. Perbezaan leksikal yang agak ketara dalam keluarga Dusun itu mungkin bercanggah dengan pernyataan Chambers dan Trudgill (1990), yang beranggapan bahawa bahasa sebagai sekumpulan dialek seharusnya bersifat kesalingfahaman antara satu sama lain.

Kajian Minah Sintian dan Norazimah Zakaria (2013), juga mengakui bahawa bukan semua penutur dialek dalam keluarga Dusun boleh memahami dialek lain dengan baik. Daripada 70 responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah, terdapat 15 orang yang kurang memahami bahasa yang digunakan di dalam buku teks Bahasa Kadazandusun. Buku teks itu menggunakan bahasa campuran daripada dialek Bunduliwan dan dialek Tangara. Dapatan ini membuktikan bahawa responden kurang memahami bahasa yang tidak mereka gunakan dalam kehidupan seharian atau dalam erti kata lain tidak memahami dialek lain yang bukan dialeknya.

Bunyi konsanan berkontras (Abdul Hamid Ahmad, 1993) dalam leksikal yang membawa maksud sama juga menimbulkan isu kesalingfahaman yang akhirnya menghalang komunikasi. Kajian Clayre (1966), mendapati terdapat perbezaan fonologi antara beberapa suku keluarga Dusun. Penutur dialek Tangara dari Penampang lazimnya menggunakan bunyi /l/ untuk leksikal *loun* berbanding bunyi /r/ *roun* yang digunakan oleh penutur-penutur dialek Rungus, Labuk, Bengkoka, Ranau, Bundu Tuhan, Tambunan dan Lotud. Kedua-dua leksikal itu membawa maksud yang sama, iaitu "daun".

Hubungan kekerabatan bahasa dapat diukur dengan membandingkan kosa kata asas. Persamaan kekognatan menunjukkan tahap hubungan antara bahasa sama ada tinggi, sederhana atau pun rendah. Kajian Smith (1984), mendapati bahawa persamaan kata berkognat antara penutur dialek keluarga Dusun yang terdiri daripada suku Papar, Dumpas, Kadazan/Dusun, Lotud, Bisaya, Tatana, Kuijau, Kadazan sebelah Timur, Rungus dan Kadazan-Tambunan ialah 60-75%. Kajian Clayre (1966), pula mendapati peratusan kata berkognat antara penutur dialek Dusun yang tinggal di

kawasan Penampang, Ranau, Bundu Tuhan, Tongod, Kudat, Labuk dan Tambunan adalah antara 63-95%. Peratusan berkognat tertinggi ialah antara penutur dialek Dusun yang tinggal di Ranau dengan Dusun yang tinggal di Tambunan, iaitu mencapai 95%. Peratusan kata berkognat terendah ialah penutur dialek Dusun Mangkaak dengan Dusun Lotud, iaitu 63% sahaja. Ketidakteraturan peratusan kata berkognat itu menunjukkan keragaman leksikal dalam dialek-dialek keluarga Dusun yang mengakibatkan wujudnya isu kesalingfahaman.

Justeru, kajian ini merungkai soalan dan objektif kajian untuk membandingkan kata kognat dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain dalam keluarga Dusun, menganalisis ciri-ciri leksikal yang membezakan dialek keluarga Dusun dan seterusnya merumuskan kekerabatan bahasa antara dialek dalam keluarga tersebut. Kajian ini dapat membantu memantapkan kajian lalu dan membuka ruang perbincangan yang lebih luas dalam kalangan sarjana sosiolinguistik.

1.4 Soalan Kajian

Soalan kajian yang dikemukakan ialah:

1. Apakah kata kognat dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain dalam keluarga Dusun?
2. Apakah ciri-ciri leksikal yang membezakan dialek dalam keluarga Dusun?
3. Bagaimanakah bentuk kekerabatan bahasa antara dialek dalam keluarga Dusun?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

1. Membandingkan kata kognat dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain dalam keluarga Dusun.
2. Menganalisis ciri-ciri leksikal yang membezakan dialek dalam keluarga Dusun.
3. Merumuskan kekerabatan bahasa antara dialek dalam keluarga Dusun.

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap objektif kajian yang diutarakan ini membawa kepentingan tersendiri dalam menentukan hal tuju bahasa Kadazandusun pada masa akan datang. Bahasa Kadazandusun (BKD) telah dijadikan sebagai subjek elektif di sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah bermula pada tahun 1997 (Rita Lasimbang & Trixie

Kinajil, 2004). BKD juga telah menjadi kursus yang ditawarkan di Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan universiti tempatan. Dialek Bundu dan Liwan (kemudian digabungkan menjadi satu perkataan, iaitu "Bunduliwan") telah dijadikan sebagai asas kepada pembakuan BKD, sementara dialek-dialek serumpun yang lain berfungsi sebagai sumber pengayaan dan pemantapan BKD (Henry Bating, 2001; Sylvester, 2009). Melalui kajian ini, pihak yang berkepentingan dapat menambah perbendaharaan kata dalam Bahasa Kadazandusun dan sekaligus mengurangkan pergantungan kepada kata-kata pinjaman daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kebanyakan suku dalam keluarga Dusun beranggapan bahawa mereka terdiri daripada entiti yang berbeza dengan suku lain dalam keluarga itu. Hal ini disebabkan oleh variasi bahasa/dialek dalam keluarga Dusun. Kelainan sebutan, kosa kata, makna kata dan tatabahasa menjadi faktor utama kebanyakan suku dalam keluarga Dusun menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Perbezaan tersebut dijadikan alasan untuk tidak menggunakan bahasa keluarga Dusun. Kajian Minah Sintian (2013), mendapati pelajar-pelajar Program Minor Bahasa Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim cenderung menggunakan perkataan Bahasa Melayu dalam penulisan tugas.

Selain itu, faktor pendidikan yang diterima oleh generasi berusia sekitar 50 hingga 69 tahun merupakan platform pengubah landskap kata dan bahasa yang digunakan oleh etnik Kadazandusun sehingga kini (Noor Aina Dani & Mhd. Amin Arshad, 2007). Justeru, dengan adanya kajian ini, maka penutur-penutur dialek keluarga Dusun tidak lagi membayangkan mereka itu terdiri daripada entiti yang berbeza. Suku-suku keluarga Dusun akan menyedari peranan masing-masing dalam memantapkan bahasa yang dikongsi bersama melalui sikap saling menerima dan memberi atau dalam erti kata lain berkongsi leksikal. Perkongsian leksikal dapat mengaya dan mengukuhkan istilah dan perbendaharaan kata BKD.

Keragaman bahasa atau dialek dipengaruhi oleh faktor geografi dan sosial. Trudgill (1984), melihat faktor tersebut dalam konteks pembaharuan sesuatu bahasa. Contohnya akan wujud perkataan, sebutan dan cara penggunaan yang baharu. Melalui kajian ini, pengkaji menemui kata yang mengalami penginovasian dan kata arkaik yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi meskipun mengalami perkembangan waktu. Kepelbagaian dialek memungkinkan dapatan variasi leksikal sama ada baharu atau kuno. Leksikal tersebut dapat mengayakan perbendaharaan kata, penstandardan istilah dan pemantapan penggunaan bahasa Kadazandusun yang semakin terancam. Hal ini diakui oleh Samarin (1993), apabila melihat bahasa di dunia ini yang kian pupus disebabkan oleh hilangnya penutur ekabahasa atau asimilasi penutur tersebut ke dalam masyarakat yang lebih dominan melalui bilingualism. Kajian ini secara tidak langsung dapat menambah bahan kajian sedia ada tentang dialek yang terdapat di negara kita. Dalam masa yang sama, kajian ini penting untuk perbandingan bahasa-bahasa proto Austronesia.

Menyedari kepentingan bahawa dialek-dialek keluarga Dusun merupakan khazanah bangsa yang sangat bernilai, maka kajian ini penting untuk merumuskan kekerabatan dialek-dialek sukuan keluarga Dusun. Penelitian leksikal daripada enam dialek Dusun dapat membantu mengukur tahap kekerabatan antara dialek. Statistik mudah dapat memperlihatkan kekerabatan bahasa sukuan itu sama ada dalam kategori menjadi bahasa, dialek, subdialek dan sebagainya. Menurut Rohani Yusof (2003), sekiranya taraf kekerabatan kurang daripada 85 peratus, maka tarafnya adalah bahasa yang berbeza dan sebaliknya jika peratusannya lebih daripada 85 peratus, maka tarafnya adalah sebagai dialek dari satu bahasa yang sama. Rumusan kekerabatan bahasa dapat meningkatkan etnisiti atau rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik dan seterusnya dapat meningkatkan kesedaran dan ketaatan terhadap bahasa (Fishman, 1977).

1.7 Batasan Kajian

Kajian melibatkan bahasa dan dialek sesuatu kaum, etnik dan suku memerlukan perancangan dan penelitian rapi seseorang pengkaji. Memandangkan aspek keluarga Dusun mempunyai 31 dialek dan tinggal di merata-rata tempat di negeri Sabah yang mempunyai keluasan 73 500 kilometer persegi (Lee Yong Leng, 1983), maka kajian ini dijalankan mengikut batasan tertentu. Batasan itu meliputi aspek lokasi, masa dan bilangan kosa kata. Walaupun kajian ini terbatas kepada aspek tertentu namun pengkaji tidak mengabaikan pemilihan lokasi kajian dan fokus kajian. Menurut Collins (1987), penentuan kawasan kajian dan fokus kajian dapat memberi jaminan kualiti suatu maklumat.

Kajian ini dibataskan kepada 6 daripada 31 dialek keluarga Dusun. Dialek-dialek itu ialah dialek Bunduliwan (DBL), dialek Tangara (DTg), dialek Tatana (DTt), dialek Rungus (DR), dialek Dumpas (DD) dan dialek Mangkaak (DM). Ini bersesuaian dengan pendapat J. E. Banker dan Banker (1984), yang mengakui kemustahilan mengkaji dialek-dialek keluarga Dusun yang tersebar dalam hamparan geografi yang luas di negeri Sabah.

Pengkaji mengambil kira lokasi informan untuk mendapatkan variasi leksikal dialek Dusun. Justeru, pengkaji membataskan kajian terhadap penutur dialek yang tinggal di kawasan berhampiran pantai, perbukitan dan aliran sungai utama sebagai subjek kajian. Kajian difokuskan kepada penutur DBL yang tinggal di Kg. Bundu Tuhan dan Kg. Tinanom daerah Ranau. Lokasi ini terletak di kawasan tengah, berbukit-bukau dan banjaran gunung di negeri Sabah. Penutur DTg pula difokuskan di Kg. Nosoob Baru, Penampang dan Kg. Kelatuan, Papar. Lokasi ini terletak di pantai barat selatan, kawasan landai dan berhampiran pantai.

Lokasi penutur DTt yang tinggal di pedalaman bawah pantai barat dan berhampiran pantai difokuskan di Kg. Menumpang dalam daerah Kuala Penyu. Sementara itu, lokasi penutur DR yang tinggal di utara, perbukitan dan berhampiran laut difokuskan

di Kg. Bavanggazo, Kudat. Lokasi penutur DM difokuskan di Kg. Sogo-Sogo di daerah Tongod dan DD di Kg. Gana Jati, Labuk Sugut. Penutur DM dan DD ini terletak di kawasan pantai timur dan berhampiran sungai di negeri Sabah. Pemilihan lokasi sedemikian bersesuaian dengan sifat kajian sinkronik yang lebih menitikberatkan keadaan geografi berbanding pertimbangan sejarah (Bynon, 1994).

Pengkaji juga membataskan jumlah leksikal yang dibandingkan dalam setiap dialek tersebut. Leksikal dihadkan kepada 207 kosa kata yang diperoleh daripada daftar kata Swadesh (Van der Veen, 2010). Justifikasi menggunakan daftar kata Swadesh itu adalah kerana kosa kata tersebut bukan daripada kosa kata budaya di samping mempunyai ketahanan kata asas yang telah diuji dalam beberapa bahasa yang mempunyai dokumentasi bertulis (Keraf, 1984).

Memandangkan kekangan masa dan kewangan, pengkaji membataskan tempoh pengumpulan data selama setahun dua bulan secara berselang. Jadual 1.1 memaparkan batasan lokasi dan tarikh kajian dijalankan.

Jadual 1.1: Batasan Lokasi Kajian dan Tarikh Kajian

Dialek	Lokasi	Masa	Tarikh
Bunduliwan	Kg. Tinanom	1 hari	15 Dis 2015
Mangkaak	Kg. Sogo-Sogo	1 hari	16 Dis 2015
Dumpas	Kg. Gana Jati	1 hari	17 Dis 2015
Rungus	Kg. Bavanggazo	1 hari	1 Ogos 2016
Tatana	Kg. Menumpang	1 hari	4 Ogos 2016
Bunduliwan	Kg. Bundu Tuhan	1 hari	28 Okt 2016
Tangara	UPSI	1 hari	4 Nov 2016

1.8 Etnik Kadazandusun dan Keluarga Dusun

Etnik Kadazandusun merupakan kumpulan penduduk terbesar di negeri Sabah sebagaimana dalam bancian populasi pada Disember 1963, iaitu sebanyak 28.29% atau seramai 159, 285 orang daripada keseluruhan populasi di negeri Sabah pada ketika itu (Regis, 1989). Jumlah itu bertambah menjadi 568, 575 orang pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011).

Semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU), pemerintahnya tidak dapat memastikan kumpulan etnik yang dikategorikan dalam kelompok Kadazan dan Dusun tetapi yang pastinya memang wujud nama asli kumpulan etnik di Sabah seperti Dumpas, Idahan, Liwan, Lotud, Mangkahak, Maragang, Minokok, Murut, Paitan, Rumanau, Rungus, Tombonuo, Tanggara, Tindal, Tagahas, dan Tingaras (Dayu Sansalu, 2008). Dakwaan Dayu Sansalu dikukuhkan oleh Kntayya

Mariappan dan Paul Porodong (2012), dengan menjelaskan bahawa kesukaran memahami kepelbagaian etnik dalam kalangan penduduk peribumi sendiri adalah penyebab kepada ketidaktekalan pengklasifikasian etnik dalam pembancian pentadbiran SBBU. Ini bersesuaian dengan pendapat Sullivan dan Regis (1981), yang mengakui bahawa kesilapan telah berlaku dalam proses pengklasifikasian penduduk etnik peribumi sepanjang pentadbiran Barat semenjak tahun 1901 akibat persempadanan yang selalu berubah.

Menurut Dayu Sansalu (2008), pemerintah SBBU menyebut kumpulan etnik tersebut sebagai "Dusun" kerana etnik tersebut tinggal di kawasan desa atau di dusun. Perkara yang sama juga disebut oleh Appell dan Harrison (1968), apabila memetik pandangan para pengembara Melayu dan kemudian oleh Inggeris yang menggelar "Dusun" untuk merujuk penduduk yang tinggal di kawasan antara pantai dengan pedalaman yang bergunung-ganang. Walau bagaimanapun, Rutter (1985) dalam bukunya berjudul *The Pagans of North Borneo* mempertikaikan panggilan "Dusun" itu sebagai istilah yang tidak pernah digunakan oleh masyarakat itu sendiri melainkan telah diberikan oleh kumpulan *Mohammedan invaders* dengan merujuk Dusun sebagai dusun (*orchard*). Rutter ialah seorang pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat sebagai pegawai mahkamah dan pegawai daerah di Borneo Utara semasa pemerintahan SBBU. Rutter juga mengatakan bahawa masyarakat Dusun menggelarkan diri mereka sebagai *tulun tindal* (*landsman*) sahaja.

Pugh-Kitingan (2012a), pula mendakwa bahawa istilah "Dusun" sudah digunakan oleh orang Brunei ketika Kesultanan Brunei menguasai pantai barat di bahagian Borneo utara, iaitu dengan merujuk "Dusun" sebagai etnik petani pedalaman, terutamanya yang menanam padi sawah. Penggunaan istilah "Dusun" ini kemudiannya berkembang dan berlanjutan sehingga hari ini apabila orang British mengekalkan panggilan "Dusun" kepada penduduk peribumi yang tinggal di kawasan tanah tinggi yang mengusahakan pertanian.

Istilah "Kadazan" telah wujud sebelum pemerintahan SBBU sebagai mana tercatat dalam artikel Gossens (1924:87) berjudul *A Grammar and Vocabulary of the Dusun Language*. Gossens mendakwa bahawa kosa kata yang digunakannya adalah mengikut sebutan Kadazan sebagaimana yang digunakan di Papar. Orang Dusun memanggil mereka sebagai orang Kadazan.

Rutter (1985), pernah mencatatkan bahawa etnik peribumi animisme yang tinggal di pantai barat khususnya Papar menggelarkan diri mereka sebagai Kadazan. Istilah "Kadazan" ini berasal daripada kata *kakadayan* dalam dialek Dusun Tengah atau *kakadazan* dalam dialek pesisir pantai yang bermaksud lokasi kedai atau gerai perniagaan. Istilah *kakadayan/kakadazan* diambil daripada kata dasar *kadai* yang bermaksud "kedai" (Pugh-Kitingan, 2012a).

Selain istilah "Kadazan", istilah "Tangara"/ "Tanggara"/ "Tangaa"/ "Tangaah" dan "Kadasan" juga digunakan bagi merujuk etnik yang tinggal di kawasan pesisir pantai barat seperti Penampang dan Papar. Luering (1897), pernah mengkaji kosa kata penutur keluarga Dusun di kawasan Kimanis pada tahun 1891. Suku itu menamai diri mereka sebagai *uhlun Kadasan* atau "orang Kadasan". Menurut kajian Dayu Sansalu (2008), perkataan *tanggara* atau *tangaah* dalam dialek Kadazan Penampang bermakna kawasan laut yang ditumbuhi paya bakau. Orang Tagahas, Liwan dan Tindal (yang dikenali sebagai "Dusun") di Ranau dan Tambunan juga menyebut penduduk Penampang sebagai "Tanggara" kerana tinggal berdekatan dengan laut atau kawasan tanah paya yang ditumbuhi kayu bakau (Dayu Sansalu, 2008).

Seorang mubaligh Kristian berbangsa Belanda bernama Antonissen pernah menulis dan membukukan kamus dan tatabahasa Dusun Kadazan dengan menggunakan dialek "Tangara" (Mongulud Boros Dusun Kadazan, 1994). Hasil tulisan Antonissen tersebut telah dijadikan rujukan dalam pembinaan *komoiboros* atau kamus "Bahasa Dusun – B. Tangara – B. Melayu – B. Inggeris" terbitan tahun 1994 oleh kumpulan komuniti Kadazandusun melalui KDCA.

Istilah nama bagi kebanyakan subetnik Kadazandusun diambil bersempena alam sekitar. Pugh-Kitingan (2012a) dan Dayu Sansalu (2008), menjelaskan penggunaan nama-nama alam sekitar seperti nama-nama sungai, ciri-ciri lanskap setempat atau beberapa ciri subetnik itu sendiri sebagai rujukan mereka. Sebagai contoh, suku Liwan dinamai bersempena sebatang sungai yang dipanggil sungai Liwan dan suku Tuhauwon bersempena sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai *tuhau* (Pugh-Kitingan, 2012a). Suku Mangkaak mengambil nama sempena sejenis burung (temu bual dengan informan M1, 16 Disember 2015), suku Tatana menamai sukunya dari kata asal tanah kerana tinggal dalam tanah (temu bual dengan informan T3, 5 Ogos 2016) dan suku Dumpas daripada spesies pokok kayu (temu bual dengan informan D1, 17 Disember 2015). Nama suku Bundu pula diambil bersempena nama sejenis buah (temu bual dengan informan BL1, 28 Oktober 2016) dan sebagainya.

Keadaan sosiopolitik sekitar tahun 1961 sehingga tahun 1995 telah mengubah senario peristilahan Kadazan dan Dusun. Pemimpin *United National Kadazan Organization* (UNKO) di bawah kepimpinan Donald Stephen meneruskan dan menggalakkan penggunaan istilah "Kadazan" pada tahun 1961 dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan politik daripada masyarakat yang tinggal di sekitar Penampang, Putatan dan Papar (Low, 2005). Donald Stephen juga hendak mengimplementasikan penggunaan istilah "Kadazan" kepada semua suku yang menamakan diri mereka sebagai "Dusun" atas alasan untuk menjadikan semua etnik Kadazan dan Dusun sebagai "orang kita" atau *our people* (Low, 2005). Walau bagaimanapun, cadangan Donald Stephen tersebut tidak dipersetujui oleh 6 daripada 25 orang wakil etnik Kadazandusun. Mereka terdiri daripada wakil dari daerah Ranau, Tuaran, Kiulu dan tiga lagi dari kawasan lain yang majoritinya menamai etniknya sebagai "Dusun" sahaja (Low, 2005).

Ketidakpuasan hati keenam-enam wakil tersebut menyebabkan berlakunya perpecahan dalam kalangan etnik Kadazan dan Dusun (Hamidun Udin, 1992). Akhirnya etnik Dusun menubuhkan sebuah pertubuhan baharu yang dikenali sebagai *United Sabah Dusun Association* (USDA) pada tahun 1967 (Reid, 1997). Kedua-dua parti tersebut membawa haluan masing-masing sehingga tahun 1980-an. Menurut Reid, presiden *Kadazan Cultural Association* (KCA), Datuk Joseph Pairin Kitingan telah mengumumkan penukaran nama KCA kepada *Kadazandusun Cultural Association* (KDCA) atas kesedaran beliau bahawa semua suku dan subsuku Kadazan dan Dusun merupakan sekeluarga. Penubuhan yang dibuat pada tahun 1989 itu telah berjaya menjernihkan kembali hubungan antara USDA dan KDCA.

Etnik Kadazan dan Dusun mempunyai ciri-ciri generik yang sama dari segi bahasa, budaya, kepercayaan, tradisi dan pengalaman sejarah. Melihat dan mempertimbangkan ciri-ciri generik tersebut, maka wakil-wakil yang menghadiri Persidangan Perwakilan KCA Ke-5 pada 4 dan 5 November 1989 telah bersetuju untuk menggabungkan istilah "Kadazan" dan "Dusun" sebagai langkah terbaik mengatasi masalah krisis identiti "Kadazan" dan "Dusun" yang dilihat sebagai penghalang kepada pertumbuhan sosiobudaya, ekonomi dan politik pelbagai etnik komuniti Kadazandusun semenjak Kadazan dan Dusun menghadapi pertentangan sentimen politik pada awal 1960-an. Penggabungan istilah "Kadazan" dan "Dusun" telah menjadi titik tolak persefahaman, tolak ansur dan saling menghormati antara kedua-dua etnik tersebut untuk menjadikan Kadazandusun sebagai satu bangsa.

Tafsiran etnik Kadazandusun berdasarkan Artikel 6 Perlembagaan dan Peraturan KDCA ialah terdiri daripada 40 subetnik Kadazandusun seperti Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo, Idaan, Kadayan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak, Minokok, Murut, Ngabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sinobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tatana, Tangara, Tidong, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawon, Tutung dan Bisaya.

Pengelompokan keluarga Dusun terawal yang dijalankan secara penyelidikan telah dipelopori oleh *Summer Institute of Linguistics* (SIL). Smith (1984) dalam artikelnya *The Languages of Sabah: A Tentative Lexicostatistical Classification* telah mengelompokkan sepuluh bahasa dalam keluarga Dusun. Bahasa itu termasuklah Papar, Dumpas, Kadazan-Tambanua, Lotud, Bisaya, Tatana, Kuijau, Kadazan Pantai Timur, Rungus dan Kadazan / Dusun. Namun Lobel (2013), telah mempertikaikan pengelompokan Smith apabila mendapati bahasa Tatana lebih berkerabat dengan bahasa keluarga Murut.

Pengkaji juga berpendapat bahawa pengelompokan bahasa atau dialek keluarga Dusun oleh Smith kelihatan sangat longgar kerana kurang penjelasan. Sebagai contoh, penggunaan istilah "Papar" lebih merujuk kepada nama tempat, iaitu salah satu daerah yang terletak di pantai barat negeri Sabah. Istilah "Papar" juga merujuk kepada nama alternatif etnik Bajau yang tinggal di Kuala Penyu (Lewis, 2009).

Selain itu, istilah "Kadazan" atau "Dusun" dinyatakan begitu sahaja tanpa sebarang penjelasan. Keadaan ini mengelirukan dalam pengelompokan bahasa mahupun suku keluarga Dusun.

Susulan daripada kajian SIL, Raymond Boin Tombung (1991), telah membahagikan keluarga Dusun kepada dua keluarga, iaitu keluarga Dusun dan keluarga Paitan. Keluarga Dusun terdiri daripada Bisaya, Begahak, Dumpas, Dusun Banggi/Bonggi, Dusun Klias, Dusun Magatang, Dusun Monsok, Dusun pantai Timur (Dusun Keramuak, Dusun Labuk, Dusun Lamag, Dusun Malapi, Dusun Mangkaak, Dusun Sukang, Dusun Sg. Kulu-Kulu, Dusun Sg. Segaliud dan Tindakon), Dusun Papar, Dusun Pilantong, Dusun Ranau, Dusun Sugut (Minokok dan Tilan-Ilan), Gana, Garo, Ida'an/Idahan, Dusun Sugut, Ida'an Sungai, Kimaragang, Kuijau/Kwijau, Liwan, Lotud, Papar, Tambanua, Tangara/Kadazan, Rungus, Tatana, Tebilung dan Tindal.

Keluarga Paitan pula terdiri daripada Abai Sungai, Dusun Ulu Kinabatangan (Dusun Makiang, Dusun Segama, Dusun Sg. Gum-Gum, Kolobuan, Rumanau, Sinabau, dan Sinarupa), Lingkabau, Lobu/Sagamo dan Tambanua/Sungai. Kajian Pugh-Kitingan (2012a), pula tidak meletakkan subetnik Gana dalam keluarga Dusun sebagai mana dalam kajian Raymond Boin Tombung (1991).

Meskipun KDCA meletakkan Lundayeh sebagai salah satu keluarga Kadazandusun, masyarakat Lundayeh pasti tidak mengakuinya sebagaimana mereka tidak mengakui etnik mereka sebagai subetnik Murut. Bala, Baszley Bee & Jane Wong (2012), menjelaskan Lundayeh tidak mahu lagi dirujuk sebagai subetnik Murut. Lundayeh telah menjadi satu label etnik tersendiri dan tidak lagi berkaitan dengan subetnik Murut. Dari sudut kajian linguistik, ahli antropologi daripada Amerika Syarikat, A.B. Hudson (1978) yang dipetik dalam Bala, Baszley Bee & Jane Wong (2012:219), mengklasifikasikan etnik Lundayeh dalam kumpulan etnik Kelabit di Sarawak yang sentiasa menggunakan satu bentuk pengenalan diri yang umum, iaitu *lun tau* yang bermaksud "orang kita". Walau bagaimanapun, sehingga kini kerajaan Sabah masih menggunakan klasifikasi Murut untuk Lundayeh untuk tujuan rekod rasmi di pejabat daerah (Bala, Baszley Bee & Jane Wong, 2012).

Bagi memudahkan perbincangan, pengkaji merumuskan hasil penelitian penyelidik terdahulu dengan mengelompokkan rumpun Kadazandusun ke dalam tiga keluarga utama, iaitu Dusun, Murut dan Paitan seperti dalam jadual 1.2.

Jadual 1.2: Kelompok Rumpun Kadazandusun

Bil	KELUARGA DUSUN	KELUARGA PAITAN	KELUARGA MURUT
1	Bisaya	Dusun Segama	Bookan / Baukan
2	Dusun Bonggi	Kalabuan	Murut Kalabakan
5	Dusun Keramuak	Paitan	Murut Serudung / Sarudung
6	Dusun Labuk	Pingas	Murut Tagal / Tahol / Rundum
7	Dusun Lamag	Rumanau	Murut Timugon
8	Dusun Sg. Kulu-Kulu	Sinobu	Murut Beaufort
9	Garó	Sinorupu	Ngabai
10	Ida'an	Sungai	Okolod
11	Kadayan	Sungai Abai	Paluan
12	Kimaragang	Tombonuo	Gana
13	Kuijau	Begahak	Tidong
14	Liwan	Melapi	Lundayeh
15	Dusun Lotud	Dusun Sg. Segaliud	Lobu Lanas
16	Mangkaak	-	-
17	Minokok	-	-
18	Rungus	-	-
19	Sonsogon	-	-
20	Sukang	-	-
21	Talantang	-	-
22	Tangara / Kadazan	-	-
23	Tatana	-	-
24	Tilan-Ilan	-	-
25	Tinagas	-	-
26	Tindakon	-	-
27	Tindal	-	-
28	Tobilung	-	-
29	Tolinting	-	-
30	Tuhawon	-	-
31	Tutung	-	-

(Sumber: Diubah suai daripada KDCA, 2005; Raymond Boin Tombung, 1991; Dayu Sansalu 2008; Pugh-Kitingan, 2012a)

Hasil penelitian dokumen bertulis, pengkaji turut menyenaraikan suku-suku yang terkandung dalam keluarga Dusun. Penelitian tersebut telah diubahsuai daripada KDCA (2005), Raymond Boin Tombung (1991), Dayu Sansalu (2008) dan Pugh-Kitingan (2012). Jadual 1.3 ialah paparan suku-suku keluarga Dusun yang membawa bersama-sama bahasa atau dialeknya.

Jadual 1.3: Suku-Suku Keluarga Dusun

Bil	KELUARGA DUSUN	Bil	KELUARGA DUSUN
1	Bisaya	17	Minokok
2	Dusun Bonggi	18	Rungus
3	Bundu	19	Sonsogon
4	Dumpas	20	Sukang
5	Dusun Keramuak	21	Talantang
6	Dusun Labuk	22	Tangara / Kadazan
7	Dusun Lamag	23	Tatana
8	Dusun Sg. Kulu-Kulu	24	Tilan-Ilan
9	Garó	25	Tinagas
10	Ida'an	26	Tindakon
11	Kadayan	27	Tindal
12	Kimaragang	28	Tobilung
13	Kuijau	29	Tolinting
14	Liwan	30	Tuhawon
15	Dusun Lotud	31	Tutung
16	Mangkaak		

(Sumber: Diubah suai daripada KDCA, 2005; Raymond Boin Tombung, 1991; Dayu Sansalu, 2008; Pugh-Kitingan, 2012a)

Berdasarkan jadual 1.2, didapati jumlah senarai suku-suku etnik Kadazandusun mencapai 61 bilangan. Pengkaji yakin terdapat kemungkinan nama suku itu agak bertindan antara satu sama lain. Cohen (1993), mengakui bahawa suku Lobu Lanas (Keningau) dan Lobu Tompios (Ranau) mungkin berasal daripada suku yang sama, iaitu kedua-duanya berasal dari Hulu Kinabatangan. Suku-suku itu terpisah kerana migrasi di samping halangan geografi fizikal dan persempadanan politik. Pertindan nama suku juga berlaku kerana kecenderungan masyarakat Kadazandusun yang gemar menamakan bangsanya mengikut nama tempat tinggal mereka berasaskan nama sungai, pokok dan tumbuhan lain (Dayu Sansalu, 2008; Pugh-Kitingan, 2012a).

Dari segi lokasi geografi, didapati bahawa ketiga-tiga keluarga Kadazandusun ini mempunyai lokasi petempatan masing-masing dalam peta negeri Sabah. Keluarga Dusun kebanyakannya ditemui di kawasan pedalaman, pesisir pantai barat dan utara negeri Sabah. Keluarga Murut pula ditemui di sepanjang kawasan pedalaman selatan Sabah sementara keluarga Paitan ditemui di sepanjang sungai-sungai utama di bahagian timur terutamanya di kawasan pedalaman (Pugh-Kitingan, 2012b).

Dayu Sansalu (2008), mengelompokkan lokasi petempatan keluarga Kadazandusun mengikut daerah, bandar dan pekan seperti keluarga Dusun tinggal di Penampang,

Putatan, Kinarut, Papar, Inanam, Menggatal, Telipok, Tuaran, Tamparuli, Kota Belud, Kudat, Ranau, Tambunan dan Kuala Penyu. Keluarga Paitan pula tinggal di Sungai Paitan, Sandakan, Beluran, Labuk, Sugut, Kinabatangan, Pitas dan Beaufort sementara keluarga Murut tinggal di Pensiangan, Tenom, Nabawan dan Keningau.

1.8.1 Asal Usul Kadazandusun Berasaskan Perspektif Saintis Sosial dan Sejarawan

Para sejarawan dan antropologi mengakui akan kewujudan orang Dusun di Borneo Utara lebih kurang 4000 – 5000 tahun dahulu malah kemungkinan lebih awal daripada tahun tersebut berdasarkan bukti-bukti arkeologi dan fizikal antropologi (Bisht & Bankoti, 2004). Orang Dusun dipercayai daripada keturunan kumpulan yang melakukan penghijrahan secara berperingkat-peringkat ke Borneo Utara sekitar tahun tersebut.

William (1965), mengemukakan teori asal usul orang Dusun bermula dari penghijrahan Indo-Malayan yang dipercayai kemungkinan terdiri daripada nenek moyang orang Kadazandusun sekitar 1500 S.M hingga 1000 S.M. Penghijrahan ini bermula dari selatan China dan utara Vietnam melalui Formosa dan Filipina, ke utara Borneo dan Sulawesi. Teori William itu adalah berdasarkan pengamatan persamaan fizikal, linguistik dan kebudayaan masyarakat Kadazandusun dengan masyarakat asli di Famosa dan Filipina. Teori William diakui oleh Benedict Topin (1981), dengan mendakwa bahawa nenek moyang orang Kadazandusun terdiri daripada penghijrah Indo-Malayan.

Rekod sejarah menunjukkan orang Dusun mempunyai pertembungan budaya dengan masyarakat luar seperti orang India, Cina dan Eropah dalam suatu jangka masa yang agak panjang terutama masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan barat dan utara Borneo. Misalnya, pada kurun ke-17, terdapat peniaga dan pengembara India melakukan pelayaran dengan kapal dari dan ke selatan negara China yang berlabuh di sepanjang pantai barat dan timur Borneo untuk mengisi bekalan air atau mencari perlindungan daripada ancaman cuaca buruk Laut China Selatan.

Pada zaman empayar Han Barat (202 sebelum masihi – 9 masihi), peniaga dan pendakwah Cina yang merantau dari dan ke India juga berhubungan dengan penduduk pantai barat dan utara Borneo untuk mendapatkan produk tempatan (Bisht & Bankoti, 2004). Bisht dan Bankoti, mempercayai bahawa peniaga dari China dan India tersebut telah singgah beberapa kali di pantai Borneo sehingga tahun 1430 masihi dan menubuhkan beberapa penempatan perniagaan. Catatan daripada seorang peniaga Cina bernama Wang Sen-Peng, mengatakan bahawa muara sungai Kinabatangan pernah menjadi pusat perniagaan yang dibuka oleh peniaga Cina pada sekitar tahun 1375 masihi.

Asal usul orang Kadazandusun juga dikaitkan dengan cerita legenda Nunuk Ragang. Sejarawan tempatan seperti Yunus Suman (2000), mengetengahkan teorinya dengan mengatakan bahawa orang Kadazandusun berasal dari Nunuk Ragang. Nunuk Ragang terletak di Kg. Tompios, Ranau yang merupakan tempat laluan utama ke Telupid di sebelah timur dan Kota Kinabalu di sebelah barat. Nunuk Ragang terletak di antara dua batang sungai yang dikenali sebagai Sungai Kogibangan dan Sungai Kawananan. Kepadatan penduduk di kawasan Nunuk Ragang menyebabkan keperluan tempat tinggal dan makanan tidak mencukupi. Akhirnya, berlakulah penghijrahan secara berperingkat-peringkat mengikut kumpulan yang diketuai oleh ketua masing-masing. Kebanyakan penduduk yang berhijrah itu menetap di kawasan pergunungan seperti di Ranau, Tambunan, Tamparuli, Tuaran dan Kota Belud. Hal yang sama juga turut dikongsikan oleh informan BL2 (15 Disember 2015), apabila menceritakan bahawa orang-orang Kadazandusun berasal dari Nunuk Ragang. Menurut beliau, pada masa kini kebanyakan masyarakat yang tinggal di sekitar Nunuk Ragang terdiri daripada penutur dialek Liwan.

Berdasarkan penyelidikan cerita Nunuk Ragang, Henry Bating (2002), sependapat dengan Yunus Suman (2000). Beliau menyimpulkan bahawa penghijrahan tersebut dilakukan melalui dua batang sungai, iaitu Sungai Kogibangan dan Sungai Kawananan. Kajian James Ongkili Jr. (2000) yang dipetik dalam Henry Bating (2002), mendakwa bahawa terdapat catatan pengembara Barat, iaitu Kapten T. Forrest yang mengatakan bahawa terdapat penduduk yang dikenali sebagai "orang Idan" atau "Idahah" tinggal di sekitar gunung Kinabalu pada tahun 1780.

Kira-kira tiga puluh tahun kemudian, J. Hunt's mengembara ke Borneo dan mengumumkan perkara yang sama seperti yang dinyatakan oleh Kapten T. Forrest. Beliau mengakui bahawa orang Idan merupakan penduduk paling ramai di utara barat laut pulau itu. James Ongkili Jr. menegaskan bahawa penduduk Idan atau Idahah yang dilihat oleh Kapten T. Forrest dan J. Hunt's itu lebih cenderung merujuk kepada orang-orang Kadazandusun. Pemerhatian T. Forrest dan J. Hunt's itu tidak menghairankan kerana orang Ida'an atau Idahan merupakan salah satu suku keluarga Dusun. Pada masa kini, kebanyakan mereka tinggal di bahagian pantai timur Sabah seperti daerah Lahad Datu dan Sandakan.

T. Harrison dan B. Harrison (1971), menegaskan bahawa istilah "Idahan" merujuk kepada satu kaum penduduk tempatan yang tinggal di kawasan pantai timur Sabah. Sejarawan tempatan Dayu Sansalu (2008), mengklasifikasikan suku Ida'an atau Idahan kepada dua kelompok, iaitu Islam dan bukan Islam. Misalnya, subetnik Idahan yang tinggal di hilir sungai dan beragama Islam lebih suka dikenali sebagai orang Sungai sementara mereka yang tinggal di hulu sungai, beragama Kristian atau pagan dan memanggil diri mereka sebagai Dusun atau Kadazan. Menurut Jusman Aman (2004), suku Idahan juga dikenali sebagai Beniddah, Eraan, Buludupi dan Sabahan. Mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Dusun dan mempunyai tahap kebolehfahaman yang tinggi terhadap bahasa tersebut. Justeru, catatan T. Forrest dan

J. Hunt's mengukuhkan dakwaan kehadiran suku Dusun di kawasan sekitar gunung Kinabalu.

1.8.2 Sosioekonomi dan Sosiobudaya Etnik Kadazandusun

Sosioekonomi dan sosiobudaya yang disentuh dalam kajian ini adalah berkaitan dengan cara hidup etnik Kadazandusun merangkumi perekonomian, adat istiadat, kepercayaan dan kesenian tradisional. Etnik Kadazandusun terdiri daripada masyarakat petani. Hal ini selari dengan sejarah kewujudan awal etnik ini di bumi Borneo utara yang disinonimkan dengan perkebunan. Panggilan "Dusun" untuk penduduk yang tinggal di perbukitan yang mengamalkan pertanian telah dicatat oleh Rutter (1985) dengan mengambil perkataan Melayu "dusun" untuk rujukan kebun.

Sastera lisan etnik Kadazandusun berhubung dengan mitos "Huminodun" dapat mengukuhkan pendapat Rutter berkaitan dengan bidang pekerjaan utama masyarakat Kadazandusun pada ketika itu. Mitos tersebut dipercayai oleh etnik Kadazandusun sehingga ke hari ini. Perayaan Pesta Menuai atau "Tadau Kaamatan" merupakan manifestasi mitos Huminodun. Huminodun merupakan seorang gadis jelita anak kepada Kinorohingan dan Suminundu yang telah dikorbankan oleh ayahnya Kinorohingan untuk menyelamatkan orang Kadazandusun daripada mati kebuluran (Low, 2005). Dari atas kubur Huminodun tumbuh padi dan tumbuhan lain yang boleh dimakan seperti jagung dan ubi kayu. Pengorbanan Huminodun itu dihargai dan disyukuri oleh masyarakat Kadazandusun dengan mengadakan pesta menuai. Pada pesta itu, diadakan pertandingan *Unduk Ngadau* atau "ratu cantik" sebagai tanda mengingati Huminodun.

Rutter (1985), mengatakan bahawa etnik Dusun menjalankan aktiviti penanaman padi bukit dan sawah, sayur-sayuran, pokok buah-buahan, tembakau, lada hitam dan kapas. Penanaman sawah padi terdapat di Keningau, Tambunan dan Ranau. Lee Yong Leng (1983), mengakui pernyataan Rutter dengan mengesahkan bahawa kawasan tanah tinggi di pedalaman seperti Tambunan, Keningau dan Kemabong-Melalap (daerah Tenom), merupakan kawasan pertanian yang tetap. Pekerjaan sebagai petani dijalankan sama rata oleh kedua-dua gender, iaitu lelaki dan perempuan sebagai mana dikatakan oleh Rutter (1985:86), "*No special class is employed in this work, the whole body of the people, both men and women, being engaged*".

Selain menanam padi, etnik Dusun juga menanam tanaman lain seperti ubi kayu, jagung, ubi manis, ubi keladi, pokok pisang, langsung, rambutan, durian, pisang dan sebagainya. Rutter memperincikan pemerhatiannya terhadap kebun masyarakat Dusun dengan mengatakan bahawa terdapat tanaman lain seperti labu, tembikai dan timun ditanam di antara pokok padi. Orang Dusun di Bundu (Kuala Penyu) menanam lada hitam kerana belajar daripada etnik Cina yang menetap di situ. Selain

itu, penanaman kapas juga dijalankan oleh orang Dusun di daerah Tambunan. Kapas itu ditanam sebagai kegunaan sendiri untuk tilam dan bantal.

Etnik Kadazandusun yang tinggal di kawasan pantai barat dan utara Borneo Utara pernah menjalankan hubungan perniagaan dengan pedagang-pedagang India dan Cina seawal kurun ke-17 sebelum masihi (Bisht dan Bankoti, 2004). Berdasarkan catatan peniaga Cina bernama Wang Sen-Peng, Bisht dan Bankoti menyimpulkan bahawa terdapat hubungan peniaga dan pengembara Cina dengan masyarakat peribumi di muara Sg. Kinabatangan di bahagian timur Borneo Utara sekitar tahun 1375.

Sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian, etnik peribumi Kadazandusun di Borneo Utara kebanyakannya adalah penganut animisme. Rutter (1985), menggelar orang Dusun sebagai "pagan" yang bermaksud belum menukar agama kepada Kristian atau Islam. Arena Wati (1978), juga mengakui bahawa orang Dusun sebelum kedatangan agama *monotheis*, iaitu Islam dan Kristian adalah dianggap pagan. Walau bagaimanapun, Arena Wati juga mengakui bahawa orang Dusun sebenarnya memiliki sejenis agama *polytheis*. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Raymond Boin Tombung (1997), bahawa orang Kadazandusun tradisional menganuti kepercayaan animisme.

Etnik Kadazandusun tradisional sangat mempercayai *bobolian* atau bomoh. Kepakaran *bobolian* dalam ilmu *rinait* atau mantera yang menggunakan bahasa yang sangat bermutu tinggi dianggap oleh Raymond Boin Tombung (1997) sebagai "paderi Dusun". Peranan *bobolian* sangat penting dalam ilmu perubatan tradisional, pakar rujuk penyakit, pengantara roh-roh ghaib, pembantu ketua kampung menyelesaikan masalah adat seperti *sogit* atau "denda", ketua upacara keagamaan dan sebagainya (Dayu Sansalu, 2008).

Masyarakat Kadazandusun yang tinggal di perkampungan memegang kuat pada adat dalam semua aspek kehidupan seperti perkahwinan, warisan, jenayah dan aktiviti ekonomi sebagai mana dinyatakan, "*Dusun village life hinged on the adat which encompassed all activity ranging from marriage, inheritance, crime to economic activity*" (Ranjit Singh, 1981:89). Memandangkan organisasi komuniti Kadazandusun agak kecil, maka ketua kampung atau ketua rumah panjang akan bertanggungjawab mengendalikan pelbagai tugas seperti dalam mentafsir adat, menjatuhkan hukuman, mengatur pertahanan, melancarkan serangan, merancang kegiatan ekonomi, membaiki keadaan rumah panjang dan sebagainya (Dayu Sansalu, 2008).

Meskipun ketua kampung mempunyai kuasa dalam mengendalikan pelbagai urusan namun keputusan yang dibuat adalah berdasarkan hasil perbincangan dengan masyarakat kampung. Felix Tongkul (2002), menggelarnya sebagai prinsip semangat *mogitatabang* atau bergotong-royong. Orang Kadazandusun juga mempercayai

kepemimpinan berwibawa dan berkarisma dalam kalangan ketua kampung. Ketua kampung yang berwibawa dan berkarisma akan mendapat gelaran sebagai *Huguan Siou* atau "Pemimpin Agung". *Huguan Siou* dianggap sebagai orang paling penting dan dihormati dalam masyarakat Kadazandusun (Herman J. Luping, 1994).

Etnik Kadazandusun silam wujud di bumi Borneo Utara dengan membawa bersama budaya tradisi lisan dan tradisi kebendaannya. Etnik tersebut sangat kaya dengan unsur-unsur kesusasteraan dan kesenian yang tersendiri. Kenyataan ini dimantapkan oleh Rutter (1985) melalui pemerhatiannya terhadap puisi, cerita rakyat, alat muzik, tarian, dekorasi "tatu", kraftangan, alat menjerat binatang dan sebagainya yang dimiliki oleh etnik Kadazandusun.

Antara korpus kesusasteraan milik etnik Kadazandusun ialah puisi-puisi tradisional seperti sundait, sudawil, taala-ala, kingkiaton, tudodoi, boor, luntiou, taboi-aboi, sandalom, torilu, tondiadi, rinait, bandak, tinggono dan lain-lain. Cerita rakyat pula termasuklah tangon, susuyan, tanong dan sebagainya. Etnik ini juga kaya dengan peribahasa seperti poinukadan, poiradan, haraban dan poniriban (Minah Sintian, 2012). Puisi, cerita rakyat dan peribahasa tersebut terdiri daripada budaya lisan yang dikumpul secara kolektif dan diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Budaya tradisi kebendaan seperti kraftangan dihasilkan oleh etnik Kadazandusun sebagai keperluan dalam kehidupan seharian (Rosalyn Gelunu, 2011). Bahan untuk membuat kraftangan tersebut diperolehi daripada sumber alam sekitar di lokasi mereka. Kraftangan tradisional tersebut dihasilkan melalui kaedah anyaman dan tenunan. Antara produk yang dihasilkan ialah *sirung* atau terendak, bakul, *rilibu* atau nyiru, *saab* atau tikar jemuran padi, *linangkit* atau kelim yang disulam sebagai hiasan tepi selempang atau skirt dan sebagainya.

Pertembungan budaya peribumi dengan budaya asing seperti India, Cina dan Eropah pada masa silam telah memberi impak kepada penghasilan kraftangan etnik Kadazandusun terutama subetnik Rungus di Kudat dalam menghasilkan aksesori yang diperbuat daripada tumbuhan tempatan dan logam (Bisht & Bankoti, 2004). Aksesori yang dihasilkan itu dipakai oleh kaum wanita dalam kehidupan seharian, contohnya manik-manik yang dikalungkan pada leher, *limpogot* dan *tangkong* yang diperbuat daripada perak dan tembaga digunakan untuk mengikat kain sarung, *botungkat* sejenis butang perak dan tembaga yang digunakan untuk menyemat baju ala-ala kebaya potongan pendek. Pada zaman tradisional, aksesori tersebut bukan semata-mata digunakan dalam majlis-majlis penting sahaja tetapi lebih kepada kegunaan harian seperti ke kebun, ke pasar dan di rumah.

Etnik Kadazandusun juga menggunakan sumber yang ada di persekitaran mereka seperti buluh dalam mencipta alat muzik seperti *tongkungan*, *sompoton*, *turali*, *bungkau*, *kulintangan* dan sebagainya (Pugh-Kitingan, 2012a). Alat-alat muzik itu dimainkan dalam majlis keramaian seperti pesta menuai, perkahwinan, majlis sosial

yang tidak formal dan adat-istiadat ritual. Terdapat sebuah cerita rakyat etnik Dusun yang mengaitkan sejenis alat muzik, iaitu *turali* sebagai alat komunikasi untukewartakan kematian ahli keluarganya (Dayangku Mastura Pengiran Ismail, 2009). *Turali* tersebut ditiup menggunakan hembusan angin yang dikeluarkan dari hidung. Berdasarkan cerita rakyat tersebut, *turali* itu ditiup oleh tujuh beradik bisu yang tinggal terpencil. Akhirnya bunyi tiupan *turali* yang tidak putus-putus itu didengari oleh orang kampung yang berada di kaki bukit.

1.8.3 Bahasa Standard Etnik Kadazandusun

Kadazan dan Dusun merupakan variasi bahasa atau dialek yang berasal daripada panggilan etnik mereka sendiri. Istilah tersebut kemudiannya digabungkan menjadi "Kadazandusun", iaitu sebagai nama rasmi bahasa yang diajar di sekolah-sekolah (Rita Lasimbang & Trixie Kinajil, 2010). Bahasa Kadazandusun digunakan dalam penulisan dan pertuturan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda yang diperkenalkan di sekolah-sekolah negeri Sabah pada April 1995. Dalam tahun yang sama, perwakilan KDCA dan USDA telah bersetuju menggunakan dialek Bundu dan Liwan (kemudian ini digabungkan menjadi 'Bunduliwan') sebagai asas kepada pemiawaian dan pembakuan Bahasa Kadazandusun. Perisytiharan tersebut dibuat pada 24 Januari 1995 sempena simposium bertemakan *Towards Standardization of Kadazan Language* yang telah diadakan di Hotel Perkasa Kundasang pada 13 Januari 1989 (Sylvester J. Disimon, 2009).

